



Jurnal Hadhari 9 (2) (2017) 193-206
ejournals.ukm.my/jhadhari
ISSN 1985-6830
eISSN 2550-2271



HAK DAN PERLINDUNGAN PELARIAN MUSLIM FILIPINA MENURUT SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA: KAJIAN DI NEGERI SABAH

(Rights and Protection of Muslim Philippines Refugees According to Islamic Law
and Malaysian Law: A Study in Sabah)

¹ MOHD NUR HIDAYAT HASBOLLAH HAJIMIN

^{1,2} IBNOR AZLI IBRAHIM

¹ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia

² Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Migrasi pelarian Muslim Filipina ke Sabah telah direkodkan berlaku pada awal tahun 1970-an. Sehingga kini, kewujudan mereka telah memberikan pelbagai impak sama ada dari sudut ekonomi, politik, sosial dan keselamatan negeri Sabah. Walaupun kewujudan mereka dominan memberikan impak negatif, namun dari suatu sudut mereka merupakan golongan yang terdedah kepada ancaman bahaya yang memerlukan kepada perlindungan. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk menganalisis hak dan perlindungan terhadap golongan pelarian. Hak dan perlindungan tersebut dibahaskan dari aspek undang-undang dan praktik Malaysia serta dibandingkan dengan syariah Islam. Hak dan perlindungan yang ditumpukan adalah hak mendapatkan perlindungan suaka, hak tidak dihantar pulang (*non-refoulement*), hak tidak didiskriminasikan dan hak pendidikan kanak-kanak pelarian. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan metode kepustakaan melalui instrumen analisa dokumen. Dapatan menunjukkan hak dan perlindungan golongan pelarian Filipina Muslim di Sabah masih kabur dan tidak menepati piawaian undang-undang antarabangsa dan syariah Islam. Golongan tersebut masih

Corresponding author: Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, mel-e: mnhidayath_h@yahoo.com
Diserahkan: 29 Januari 2016
Diterima: 20 April 2016

berada di persimpangan dalam mendapatkan kelangsungan hidup yang lebih baik dan terjamin. Diharapkan makalah ini dapat memberikan garis panduan kepada penggubal dasar sesebuah negara Islam dalam berdepan dengan golongan pelarian antarabangsa yang majoritinya melibatkan orang-orang Islam.

Kata kunci: Pelarian Muslim Filipina; hak dan perlindungan; syariah dan undang-undang Malaysia

ABSTRACT

The migration of Muslim Philippines refugees to Sabah was recorded in early 1970. Until these days, their presence has effected the economy, social and the safety of Sabah. Even though they have brought more negative impacts to Sabah, yet they are still a group of people who exposed to the risks and require a proper protection. Therefore, the aim of this study is to analyze their rights and protection. It will be debated from the Malaysian Law and its practice and will be compared to the Islamic law. The focus is to acquire the rights in term of refuge, non-refoulement, non-discrimination and the education required for their child. This qualitative study was using a library method through analyzation of document instrument. Results showed that the rights and protection for the Muslim Philippines refugees in Sabah were not easily defined and did not reach the standard of the international legal philosophy and the outlined by Islam. Thus, they are still in conflicts to determine out a more honest life. With this paperwork, it will deliver an outline to the policy maker of an Islamic state to ensure the international refugees which involving mostly Muslims.

Keywords: *Muslim Philippines refugees; rights and protection; Islamic and Malaysia Law*

PENGENALAN

Isu hak dan perlindungan terhadap golongan pelarian antarabangsa bukanlah baharu. Ia merupakan isu yang menjadi perbincangan, perdebatan dan kajian di peringkat global. Dalam konteks Malaysia, pelarian Filipina yang berada di Sabah tidak terpinggir dari berdepan dengan masalah mendapatkan hak dan perlindungan. Di peringkat antarabangsa hak dan perlindungan terhadap pelarian antarabangsa telah diiktiraf melalui Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Setelah hampir 60 tahun merdeka, Malaysia masih lagi tidak menyertai Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 sedangkan sempadan negara tetap dimasuki golongan pelarian. Kesannya Malaysia tidak mempunyai obligasi untuk memberikan perlindungan sekiranya terdapat pelarian yang memasuki sempadan Malaysia. Sehingga kini,

Malaysia telah didatangi golongan pelarian dari pelbagai negara seperti Filipina, Myanmar, Palestin, Bosnia, Afghanistan, Syria dan lain-lain lagi. Oleh itu, bagaimanakah Malaysia amnya dan Sabah khususnya berdepan dengan golongan pelarian Filipina tersebut?

KEDATANGAN PELARIAN FILIPINA KE SABAH

Arus keluar dan masuk warga Filipina ke Sabah telah pun berlaku sebelum sistem persempadanan dibentuk. Ini kerana jaraknya yang hampir dan mempunyai hubungan sejarah antara Filipina dan Sabah. Bagaimanapun, kemasukan mereka lebih ketara pada tahun 1970-an apabila Presiden Filipina iaitu Marcos mengisytiharkan perintah darurat yang menyebabkan berlakunya peperangan antara kerajaan Marcos dengan penduduk selatan Filipina. Ramai warga Islam yang tinggal di selatan Filipina telah dibunuh. Kesannya mereka telah beramai-ramai melarikan diri ke Sabah. Direkodkan bahawa seramai 90,000 pelarian telah memasuki Sabah pada tahun 1970-an (Azizah Kassim & Ubong Imang 2005). Walaupun Malaysia tidak menyertai Konvensyen Geneva Pelarian 1951 dan Protokol 1967, namun atas dasar perikemanusiaan, Ketua Menteri Sabah pada ketika itu iaitu Tun Datu Mustapha Datu Harun telah menerima dan membenarkan mereka untuk tinggal dan berlindung di Sabah (Tilman 1976; Azizah 2009a).

STATUS PELARIAN DALAM UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Seperti yang telah dijelaskan, Malaysia tidak menyertai Konvensyen Geneva Pelarian 1951 dan Protokol 1967 berhubung memberikan perlindungan terhadap golongan pelarian antarabangsa. Kesannya Malaysia tidak mengiktiraf dan tidak menyediakan peruntukan khusus sama ada menerima kemasukan dan memberikan perlindungan terhadap pelarian. Undang-undang Malaysia berhubung hal-ehwal imigresen dirujuk kepada Akta Imigresen 1959/63. Berdasarkan kepada akta tersebut, 'mana-mana individu yang menyalahi Seksyen 5, 6, 8, 9 dan 15 Akta Imigresen 1959/63 atau Peraturan 39, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, maka individu tersebut tergolong sebagai pendatang asing tanpa izin (PATI)'. Ini menjadikan tiada perbezaan di antara pelarian dengan PATI. Maka dengan itu, pelarian turut berdepan dengan tindakan yang sama seperti PATI iaitu tangkapan, tahanan, hukuman dan penghantaran semula ke negara asal.

Hak dan Perlindungan Terhadap Pelarian Filipina

Sungguhpun tidak menyertai Konvensyen Pelarian Geneva 1951 dan Protokol 1967, Malaysia tidak terpinggir dari dimasuki golongan pelarian. Sehingga kini Malaysia dimasuki pelarian dari pelbagai negara seperti Palestin, Bosnia, Syria,

Filipina, Myanmar, Filipina dan lain-lain lagi. Walaupun Malaysia berhak menolak kehadiran mereka, namun merupakan satu tindakan yang harus dipuji apabila Malaysia turut berkongsi beban dalam membantu dan melindungi golongan pelarian tersebut.

Seperti mana pelarian lain, pelarian Filipina juga merupakan golongan yang berada dalam keadaan terdesak sehingga terpaksa melarikan diri ke Sabah. Kedatangan mereka adalah tanpa mempunyai sebarang persediaan dan kelengkapan. Kedatangan mereka hanyalah mengharap bantuan dan perlindungan keselamatan serta kehidupan yang lebih baik. Kemudahan dan perlindungan mempunyai skop yang luas, oleh itu makalah ini menyentuh empat skop sahaja iaitu hak mendapatkan perlindungan suaka, hak tidak dihantar pulang *non-refoulement*, hak tidak didiskriminasikan dan hak pendidikan kanak-kanak pelarian.

Hak Mendapatkan Perlindungan Suaka

Bagi golongan pelarian dan pemohon suaka yang meninggalkan negara asal kerana terdedah kepada ancaman bahaya, mereka mempunyai hak untuk mendapatkan perlindungan daripada negara-negara lain. Hak tersebut telah dinyatakan sebagai salah satu hak asasi manusia melalui Artikel 14 Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia (UDHR). Oleh itu, seluruh negara terutamanya yang menyertai Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967, hendaklah menjalankan kewajipan mereka bagi membantu golongan tersebut.

Memberikan bantuan kepada pihak yang memohon pertolongan adalah satu kewajipan di dalam Islam tanpa mengira apa jua status orang tersebut. Ketika peristiwa hijrah umat Islam dari Mekah ke Madinah, praktik ini telah pun dilakukan dan direkodkan melalui firman Allah (al-Hashr 59:9) yang bermaksud:

Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah (Muhajirin) ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.

Menurut Ibn al-‘Arabī (2002) ayat ini jelas menunjukkan bahawa mereka yang datang ke sesebuah tempat/negara atas tujuan mendapatkan perlindungan hendaklah diberikan perlindungan yang sebaiknya. Ini dibuktikan apabila ayat tersebut

menegaskan bantuan tersebut bukan satu pilihan, akan tetapi wajib dilakukan sungguhpun berada dalam keadaan serba kekurangan.

Ini berbeza dengan syarat pemberian perlindungan dan suaka yang ditetapkan dalam Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 yang mengenakan syarat bahawa pelarian yang memenuhi syarat sahaja boleh memohon suaka/perlindungan. Sungguhpun terdapat perbezaan, namun perkara ini dapat difahami kerana golongan migran lain seperti golongan pekerja ekspatriat, pelajar, pelancong dan lain-lain hak dan perlindungan mereka telah pun terjamin.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa peruntukan antarabangsa bagi memberikan perlindungan terhadap golongan pelarian/pemohon suaka adalah selari dengan syariah Islam. Bagaimanapun dalam konteks Malaysia, seharusnya Malaysia menyertai Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 kerana dengan cara tersebut dapat memberikan tekanan bagi menjalankan peranan dan fungsi secara lebih menyeluruh dalam memberikan perlindungan sewajarnya.

Hak Tidak Dihantar Pulang (*Non-Refoulement*)

Non-Refoulement merupakan satu prinsip yang melarang negara penerima dari menghantar pulang golongan pelarian ke negara asal atau ke mana-mana tempat yang memberikan ancaman keselamatan kepada mereka. Ia termaktub dalam Artikel 33 Konvensyen Geneva 1951 dan Protokol 1967. Walaupun Malaysia berhak untuk menolak kedatangan pelarian, namun atas dasar kemanusiaan kerajaan Malaysia amnya dan khususnya Ketua Menteri Sabah pada ketika itu, Tun Datu Mustapha telah menerima dan membenarkan pelarian Filipina untuk tinggal dan berlindung buat sementara waktu. Malah sehingga kini dapat dilihat pelarian-pelarian lain seperti Palestin, Syria, Rohingya dan lain-lain masih berada di seluruh Malaysia. Ini mempamerkan penghormatan Malaysia akan prinsip antarabangsa tersebut sungguhpun tidak menandatangani konvensyen tersebut.

Meskipun krisis politik di Selatan Filipina telah reda, prinsip *non-refoulement* tersebut harus terus diguna pakai dan didefinisikan secara lebih luas. Ini kerana keamanan semata-mata di negara asal tidak harus menjadi ukuran untuk mereka dihantar semula. Ia perlu melihat masalah mereka dalam kelangsungan hidup di negara asal yang mana mereka telah kehilangan tanah, tempat tinggal, pekerjaan dan dokumen pengenalan diri. Sebahagian mereka telah menetap lama sehingga membentuk beberapa generasi. Sekiranya mereka dihantar pulang, ia akan membawa kepada perpindahan dengan keluarga mereka yang telah mendapat kewarganegaraan Malaysia. Penerimaan pemerintah Filipina juga perlu diberi perhatian agar status kewarganegaraan mereka diiktiraf bagi mengelak dari menjadi orang tanpa negara.

Perkara ini dapat dilihat di dalam media Filipina yang menggelar rakyat mereka yang keluar daripada Sabah memasuki Pulau Tawi-tawi sebagai pelarian (Julie S. Alipala & Karlos Manluping 2013). Kenyataan tersebut mencerminkan ketidakpenerimaan terhadap rakyat mereka sendiri. Oleh itu, kekaburan peluang kelangsungan hidup yang baik di negara asal merupakan bentuk ancaman kepada mereka. Maka dengan itu, sewajarnya prinsip *non-refoulement* tersebut diamalkan sehingga jelas masalah mereka terpelihara apabila dikembalikan ke negara asal.

Dari sudut kaca mata Islam, prinsip *non-refoulement* selari dengan panduan yang Islam gariskan. Perkara ini telah dipraktikkan di permulaan period Islam apabila al-Najashi iaitu pemerintah negara Habsyah menolak permintaan musyrikin Mekah agar orang-orang Islam yang datang berlindung di sana dihantar semula ke Mekah (Abī Asmā' Muḥammad 2012). Kayu ukur yang dilakukan Najashi bukan sahaja kerana kebenaran Islam yang dibawa mereka akan tetapi menitikberatkan ancaman keselamatan yang diterima sekiranya mereka dikembalikan ke Mekah.

Al-Shaybānī (1972) menjelaskan haram memulangkan non-Muslim ke negara asal atau mana-mana negara yang boleh memberikan ancaman dalam apa jua sebab sama ada sebagai pertukaran dengan orang Islam yang di tawan pihak musuh, ataupun ancaman peperangan. Bagaimanapun, negara Islam boleh memberikan cadangan kepada non-Muslim tersebut untuk keluar ke negara lain. Sekiranya ia terima, maka negara Islam telah berlepas diri dari tanggungjawab mereka. Sebaliknya jika ia menolak, maka negara Islam wajib akur dan terus memberikan perlindungan kepadanya.

Kesimpulannya prinsip *non-refoulement* di dalam Artikel 33 Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 selari dengan panduan yang Islam gariskan sebagai perlindungan terhadap golongan pelarian dan pemohon suaka. Bagaimanapun, amalan Malaysia dilihat ada ketikanya menerima dan menolak kemasukan pelarian. Tidak terdapat satu piawaian yang jelas bagaimana Malaysia menerima dan menolak kemasukan pelarian.

Hak Tidak Didiskriminasikan

Walaupun golongan migran bukan merupakan warganegara bagi negara yang didatangi mereka, namun mereka mempunyai hak untuk tidak didiskriminasikan. Untuk itu beberapa undang-undang antarabangsa telah dibentuk bagi melindungi mereka dari didiskriminasikan iaitu:

1. Perjanjian Antarabangsa tentang Hak Sivil dan Politik (ICCPR 1966) melalui Artikel 2(1) yang melindungi hak tanpa sebarang perbezaan sama ada ras, warna, agama, bahasa, politik atau pendapat lain, kerakyatan atau soal sosial, harta, status

kelahiran dan lain-lain lagi. Selanjutnya Artikel 26 menjamin pelaksanaan undang-undang secara saksama tanpa sebarang diskriminasi.

2. Perjanjian Antarabangsa tentang Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (ICESCR 1966) melalui Artikel 2(3) yang menjamin hak mereka dalam tiga perkara pokok tersebut tanpa diskriminasi.
3. Konvensyen tentang Hak Kanak-kanak (CRC 1989) melalui Artikel 2(1) yang menjamin hak dan perlindungan kanak-kanak.
4. Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Ras (ICERD 1965) melalui Artikel 1(1) yang melarang diskriminasi berdasarkan ras, warna, keturunan, kerakyatan dan suku kaum.
5. Konvensyen tentang Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW 1979) melalui Artikel 1 yang melarang diskriminasi berdasarkan jantina.
6. Konvensyen Antarabangsa tentang Perlindungan Hak Semua Pekerja Migran dan Anggota Keluarga Mereka (MWC 1990) yang melarang diskriminasi terhadap golongan pekerja sama ada dari sudut kepercayaan, kerakyatan, umur, kedudukan ekonomi, status perkahwinan dan sebagainya.
7. Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 melalui Artikel 3 juga melarang wujudnya diskriminasi terhadap golongan pelarian dan pencari suaka.

Dalam perspektif Islam, walaupun tidak terdapat nas-nas khusus dan jelas melarang sikap diskriminasi terhadap sesama manusia, secara prinsipnya perkara ini telah dipraktikkan di dalam Islam. Terdapat banyak nas al-Quran dan Hadis yang menceritakan dan menentang amalan Arab Jahiliyah yang bersifat perkauman. Al-Quran telah menjelaskan bahawa setiap manusia adalah sama sahaja kerana berasal dari induk yang sama. Firman Allah SWT (al-Furqan 25:54) yang bermaksud:

Dan dialah tuhan yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya (mempunyai) titisan baka dan pertalian keluarga (persemendaan) dan sememangnya Tuhanmu berkuasa (menciptakan apa jua yang dikehendakinya).

Al-Şan'ānī (1987) menjelaskan ayat ini bahawa setiap manusia adalah sama iaitu berasal daripada Nabi Adam a.s. Perkara ini dikuatkan lagi dengan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī (t.th) yang bermaksud “Semua manusia adalah anak kepada Adam dan Adam dicipta daripada tanah”. Firman Allah SWT (al-Hujurat 49:13) yang bermaksud:

Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah maha mengetahui, lagi maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Ayat ini menjelaskan bahawa setiap manusia itu adalah sama sahaja di sisi Allah. Tidak wujud sempadan yang membezakan di antara seseorang dengan orang lain. Apa yang membezakan antara manusia itu adalah sifat takwa terhadap Allah SWT dan melaksanakan amal ibadah serta kebajikan, bukannya keturunan ataupun bangsa.

Terdapat juga beberapa hadis yang membawa prinsip tidak wujud perbezaan seseorang dengan orang lain sama ada dari segi paras rupa, bangsa, harta, warna kulit dan sebagainya. Antaranya seperti kejadian Abā Dhar yang bertelingkah dengan seseorang sehingga memanggilnya anak kepada wanita hitam. Al-Bukhārī (1971) meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW menegur tindakan beliau dengan sabdanya yang bermaksud “Wahai Abā Dhar, mengapakah engkau mencela ibunya? Sesungguhnya engkau masih memiliki sifat-sifat orang jahiliyyah. Hamba sahaya juga adalah saudara kamu, yang Allah telah tempatkan kepada kamu, barang siapa yang memiliki saudara (pelayan dan budak), maka dia harus memberikannya makanan sebagaimana yang dia makan, dan memberikannya pakaian sebagaimana dia pakai, dan jangan kamu bebani mereka dengan tugas di luar kemampuan mereka, dan jika kamu memberikan tugas yang di luar kemampuan mereka, maka bantulah mereka”.

Berdasarkan kepada nas-nas di atas, jelas Islam terlebih dahulu mengamalkan prinsip non-diskriminasi terhadap manusia. Maka dapat disimpulkan bahawa prinsip yang diterapkan dalam undang-undang antarabangsa terhadap setiap manusia termasuk golongan migran selari dengan anjuran Islam. Ini termasuklah tidak wujud diskriminasi terhadap non-Muslim.

Bagaimanapun seperti mana pendatang asing yang lain, pelarian Filipina juga tidak terlepas dari berdepan dengan diskriminasi yang pelbagai bentuk. Antaranya dalam skop pekerjaan, mereka dibayar gaji yang rendah daripada orang tempatan, tidak diberikan cuti yang bergaji, tiada caruman EPF dan perubatan (Azizah 2009b). Malah sikap diskriminasi ini juga membawa kepada eksploitasi yang tidak berperikemanusiaan seperti majikan sengaja melewati, malah langsung tidak membayar gaji pekerja kerana mengetahui bahawa mereka yang tidak berdokumen tidak akan dapat menuntut gaji menggunakan saluran rasmi ekoran takut ditahan pihak berkuasa.

Walaupun Malaysia menerima pakai dua buah konvensyen iaitu Konvensyen tentang Hak Kanak-kanak (CRC 1989) dan Konvensyen tentang Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW 1979) yang menjamin hak dan perlindungan terhadap semua kanak-kanak dan wanita yang ada di Malaysia tanpa

sebarang diskriminasi, namun perkara ini tetap tidak dapat memberikan perlindungan sewajarnya terhadap mereka. Umpamanya kanak-kanak tidak mendapat akses pendidikan dan wanita tidak mendapat peluang pekerjaan. Sekiranya mereka tidak mendapat perlindungan sewajarnya, mereka akan berpotensi terjebak dalam aktiviti jenayah dan menjadi mangsa kepada orang-orang yang mengambil kesempatan. Kesukaran mendapatkan pekerjaan akan menyebabkan mereka berpotensi menjadi mangsa pemerdagangan manusia untuk dijadikan sebagai pelacur, keldai dadah, peminta sedekah dan lain-lain lagi.

Oleh itu, perkara ini sewajarnya diberikan perhatian kerana situasi pelarian berbeza dengan pendatang asing tanpa izin. Pelarian memasuki sesebuah negara kerana terpaksa. Ini berbeza dengan pendatang asing tanpa izin yang mempunyai pilihan sama ada memasuki sesebuah negara dan bersedia menghadapi risiko tindakan undang-undang dan ketidaklayakan memperoleh kemudahan awam.

Hak Pendidikan Kanak-kanak Pelarian

Secara umumnya, setiap individu adalah berhak untuk mendapatkan pendidikan. Perkara ini dinyatakan secara jelas dalam Artikel 26 Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia (UDHR) dan diikuti dalam Artikel 3 Perjanjian Antarabangsa tentang Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (ICESCR), Artikel 10 Konvensyen tentang Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) dan Artikel 30 Konvensyen Pekerja Migran (MWC). Hak ini tidak terkecuali diberikan terhadap golongan pelarian sama ada dewasa mahupun kanak-kanak melalui Artikel 22 Konvensyen Pelarian Geneva 1951 dan Protokol 1967. Malah hak pendidikan secara khusus terhadap kanak-kanak telah termaktub dalam Artikel 28 Konvensyen tentang Hak Kanak-kanak (CRC) 1989.

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menandatangani CRC 1989 pada tahun 1995. Dengan penyertaan tersebut, Malaysia bertanggungjawab memastikan setiap kanak-kanak di Malaysia mendapat pendidikan tanpa mengira status warganegara. Bagaimanapun, secara amalnya Malaysia tidak mempunyai peruntukan pendidikan khusus ekoran tiada pengiktirafan terhadap golongan pelarian. Ini menyebabkan hak tersebut kabur. Isu kanak-kanak tercieir daripada pendidikan dihadapi seluruh negeri di Malaysia, dan majoritinya adalah dari Sabah. Pada tahun 2009, direkodkan bahawa seramai 43,973 orang kanak-kanak tidak berdokumen (pelarian, pemohon suaka, orang tanpa negara, PATI dan lain-lain) di Sabah berumur di antara 7 tahun sehingga 17 tahun tidak mempunyai akses kepada pendidikan (Ardyhansah 2012).

Pada mulanya, kanak-kanak pelarian Filipina di Sabah mendapat akses pendidikan formal sehingga ke tingkatan 5. Namun pada tahun 1995, akses tersebut mulai dihadkan. Kerajaan Persekutuan telah mengenakan bayaran tahunan sebanyak RM120 bagi sekolah rendah dan RM240 bagi sekolah menengah sementara pelajar tempatan diberikan secara percuma.

Jabatan Pendidikan Sabah menyatakan bahawa pada tahun 2003 seramai 51,814 kanak-kanak Filipina telah berdaftar di sekolah rendah dan menengah. Bagaimanapun, pada tahun 2002 telah dikuatkuasakan kewajipan memiliki surat beranak bagi kemasukan ke sekolah kerajaan. Akibatnya, angka kemasukan anak-anak pelarian semakin menurun kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri (Azizah 2009b). Malah sehingga kini, kerajaan Malaysia tetap dengan pendirian tidak membenarkan kemasukan mereka ke sekolah-sekolah kerajaan (Anon 2015). Namun, tiada halangan untuk mereka memasuki mana-mana sekolah di bawah kelolaan swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan sukarela. Perkara ini semestinya merupakan satu bebanan kerana ketidakmampuan mereka untuk membayar yuran yang mahal di sekolah-sekolah swasta.

Untuk itu, terdapat usaha telah dilakukan seperti pembukaan sekolah khas kanak-kanak tidak berdokumen di Kampung Numbak, Sepanggar. Ia dibuka pada Januari 2011 oleh pihak Dana Kanak-kanak Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah) (Anon t.th). Bagaimanapun, usaha ini turut berdepan dengan kesulitan apabila jumlah sekolah seperti ini kurang dan tidak dapat memberikan perkhidmatannya kepada anak-anak pelarian di seluruh Sabah.

Islam mementingkan pendidikan terhadap umatnya bermula peringkat kanak-kanak lagi. Adalah menjadi kewajipan kepada ibu bapa memberikan pendidikan duniawi dan ukhrawi agar anak-anak mereka dapat mengenal Allah, membezakan hak dan batil, serta dapat meneruskan kehidupan yang mempunyai pelbagai cabaran yang perlu kepada panduan ilmu. Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis yang menjelaskan kepentingan pendidikan dan tuntutan penerapannya sejak di usia kanak-kanak. Firman Allah SWT (al-Nahl 16: 78) yang bermaksud:

Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatuapun; dan dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), supaya kamu bersyukur.

Al-Bukhārī (1971) juga ada meriwayatkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “Tiap-tiap kanak-kanak itu dilahirkan dalam keadaan yang suci. Ibu

bapalah yang menjadikan ia sebagai Yahudi, Nasrani ataupun Majusi”. Begitu juga al-Tirmidhī (t.th) ada meriwayatkan sabda Rasulullah SAW yang menuntut agar kanak-kanak diajar mengerjakan solat di awal usia 7 tahun lagi. Sabda Baginda yang bermaksud “Didiklah anak-anak kamu agar menunaikan solat ketika berumur 7 tahun dan pukullah mereka (sekiranya masih tidak menunaikan solat) pada umur 10 tahun”.

Nas-nas di atas menunjukkan bahawa kanak-kanak merupakan golongan yang suci daripada dosa, pahala, ilmu pengetahuan dan tidak dapat memandu diri mereka. Peranan tersebut hendaklah dilakukan oleh ibu bapa, penjaga sebagai perantara dalam membentuk peribadi dan jati diri mereka. Dengan itu dapat memberikan pendedahan asas terhadap pegangan dan kepercayaan sebagai Muslim selanjutnya boleh memimpin diri mereka dalam melayari cabaran kehidupan kelak.

Pelarian Filipina majoritinya terdiri daripada golongan yang tidak berpendidikan tinggi. Sungguhpun begitu, mereka mempunyai keazaman untuk melihat anak-anak mereka berjaya sehingga menghantar anak-anak ke sekolah walaupun berpendapatan rendah. Objektif pendidikan terhadap kanak-kanak tidak akan tercapai sekiranya pihak perantara iaitu kerajaan tidak memberikan bantuan sewajarnya kepada akses pendidikan.

Terdapat banyak implikasi yang diterima oleh kanak-kanak sekiranya tidak mempunyai akses kepada pendidikan seperti dieksploitasi untuk bekerja sebagai peminta sedekah, penjual tiket loteri, pelacuran dan lain-lain lagi. Pihak pemerintah sudah tentu merupakan perantara yang berperanan memudahkan akses kanak-kanak pelarian kepada pendidikan. Mereka tidak boleh mengabaikan permasalahan ini selaku pemerintah. Sabda Rasulullah SAW melalui riwayat al-Bukhārī (1971) yang bermaksud “Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu kelak akan ditanya tentang kepimpinan, ketua adalah pemimpin, kaum lelaki pemimpin kepada ahli keluarganya, kaum wanita adalah pemimpin dan penjaga rumah tangga suami dan anaknya. Oleh itu setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya tentang kepimpinan”.

Dapat disimpulkan bahawa, hak pendidikan kanak-kanak pelarian Filipina di Sabah adalah tidak terbelah. Ia tidak selari dengan peruntukan undang-undang antarabangsa sebagai hak asasi manusia dan ajaran Islam yang mewajibkan kanak-kanak mendapat pendidikan. Tanpa pendidikan, kanak-kanak tersebut tidak akan mengenal dan memahami ajaran Islam malah terdedah kepada pelbagai cabaran dalam kehidupan mereka.

KESIMPULAN

Isu hak dan perlindungan terhadap golongan pelarian merupakan isu yang dihadapi secara global. Dalam konteks Malaysia, pelarian Filipina di Sabah tidak terpinggir daripada perkara ini. Setelah hampir 50 tahun tinggal di Sabah, status dan masa depan mereka masih lagi kabur. Ini kerana Malaysia tidak terlibat dalam Konvensyen Pelarian Geneva 1951 dan Protokol 1967 menyebabkan tiada peruntukan khusus dalam memberikan perlindungan terhadap pelarian. Ia memberi kesan kepada kelangsungan hidup dan masa depan ibu bapa serta anak-anak mereka. Seharusnya perkara ini diberikan perhatian dan tindakan sewajarnya kerana ia bukan sahaja melibatkan soal kemanusiaan, malah perkembangan peradaban masyarakat Islam. Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) telah melaporkan bahawa kebanyakan pelarian dan pemohon suaka di dunia adalah terdiri daripada orang-orang Islam. Seharusnya umat Islam peka terhadap isu-isu migrasi yang berlaku terhadap saudara-saudara seagama mereka. Di Malaysia, kurang kajian yang membahaskan perlindungan pelarian terutamanya dari sudut perspektif Islam. Kajian-kajian lanjutan perlu dijalankan bagi mengisi kelompangan tersebut. Dengan adanya kajian-kajian tersebut, ia boleh menjadi rujukan bagi penggubal dasar perlindungan pelarian santero dunia terutama yang melibatkan pelarian Islam. Hak dan perlindungan terhadap golongan pelarian yang terkandung dalam Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 adalah selari dengan roh syariat Islam. Seharusnya ia diguna pakai untuk melindungi golongan pelarian yang berada di Malaysia seluruhnya. Bantuan dan perlindungan terutamanya dari negara Islam diharapkan dapat mengimplimentasikan seruan Islam agar seluruh masyarakat Islam dapat diangkat darjatnya kemuliaannya, beroleh kebaikan dan berjaya di dunia serta akhirat.

RUJUKAN

al-Quran

Abī Asmā' Muḥammad bin Ṭāhā. 2012. *al-Aghṣān al-Nadiyyah Sharah al-Khulāṣah al-Bahiyah bi Tartīb Aḥdāth al-Sīrah al-Nabawiyah*. al-Qāhirah: Dār Ibn Ḥazm.

Anon. 2015. Putrajaya tidak benar anak pelarian UNHCR belajar di sekolah awam. *The Malaysian Insider*, k16k April. <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/putrajaya-tidak-benar-anak-pelarian-unhcr-belajar-di-sekolah-awam> [12 Disember 2015].

Anon. t.th. Reaching out to refugee children in Sabah with education. http://www.unicef.org/malaysia/media_news11-news-alert-launch-of-school-in-sabah-for-refugee-children.html [20 Oktober 2015].

- Ardyhansah Amat. 2012. Elak Generasi Buta Huruf: Unicef Buka Sekolah Khusus untuk Kanak-kanak Jalanan di Kampung Numbak Kota Kinabalu. *Harian Metro*, 14 Januari.
- Azizah Kassim & Ubong Imang. 2005. Orang Pelarian di Sabah: Status dan Prospek. *Proceeding of Seminar on State Responses to the Presence and Employment of Foreign Workers in Sabah 2005*, hlm 91-114.
- Azizah Kassim. 2009a. Filipino refugees in Sabah: State responses, public stereotypes and the dilemma over their future. *Journal of Southeast Asian Studies* 47(1): 52-88.
- Azizah Kassim. 2009b. Keadilan Sosial untuk Golongan Minoriti: Masyarakat Pendatang Asing di Malaysia. *Kertas kerja Seminar Keadilan Sosial: Ke Arah Peningkatan Kesaksamaan Peluang di Kalangan Anggota Masyarakat*. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 23-24 Jun.
- al-Bukhārī, ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju‘fī. 1971. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. al-Qāhīrah: Lajnah Ihyā’ Kutub al-Sittah.
- Ibn al-‘Arabī, Abī Bakr Muḥammad bin ‘Abd Allāh. 2002. *Aḥkām al-Qur’ān*. Jil. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Julie S. Alipala & Karlos Manlupig. 2013. Ship with Sabah refugees deliberately slowed down for Roxas visit to Tawi-Tawi. Inquirer.net, 13 Mac. <http://globalnation.inquirer.net/68929/ship-with-sabah-refugees-deliberately-slowed-down-for-roxas-visit-to-tawi-tawi> [12 Disember 2015].
- al-Ṣan‘ānī, Muḥammad bin Ismā‘īl al-Amīr. 1987. *Subul al-Salām al-Mawṣilah ilā Bulūgh al-Marām*. Jil.4. Riyād: Jamī‘ah al-Imām Ibn Sa‘ūd al-Islāmiyyah.
- al-Shaybānī, Muḥammad bin al-Ḥasan. 1972. *al-Siyar al-Kabīr*. Jil. 4. al-Qāhīrah: Ma‘ḥad al-Makhṭūṭāt bi Jamī‘ah al-Dawl al-‘Arabiyyah.
- al-Tirmidhī, Abū ‘Isā Muḥammad ibn ‘Isa ibn Sawrah. t.th. *al-Jamī‘ al-Ṣaḥīḥ wa huwa Sunan al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Tilman, Robert O. 1976. Mustapha’s Sabah, 1969-1975: The tun steps down. *Asian Survey Journal* 16(6): 495-509.

